BERITA

Kerjasama TTSH, NTU teroka peranan TCM dalam rawatan pesakit

Usaha gabung rawatan Barat, terapi Timur untuk disesuaikan dalam sistem jagaan kesihatan S'pura

Siswa tahun kedua Perubatan Cina Tradisional (TCM) di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Cik Aw Xi Han (kiri) dan Cik Chandraratne Aiko Tiranya Kumari (dua dari kiri), memerhatikan Ketua Perubatan di Hospital Tan Tock Seng (TTSH), Dr Quah Teik Joo, yang sedang memeriksa nadi seorang pesakit angin ahmar. – Foto ST

Mulai 2027, doktor junior yang mengikuti pakar perubatan kanan di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) dalam kunjungan mereka meninjau pesakit, akan turut disertai siswa tahun akhir yang mengikuti pengajian Perubatan Cina Tradisional (TCM).

Siswa ini merupakan pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Perubatan Cina selama empat tahun di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Hospital tersebut telah menjalin kerjasama dengan pihak universiti bagi menggabungkan rawatan Barat dengan terapi Timur dalam meneroka peranan TCM sebagai modaliti tambahan, lapor *The Straits Times* (ST).

Melalui kerjasama yang dikenali sebagai Pencegahan dan Pemulihan melalui Perubatan Berpadu, kededua institusi ini akan menyelidik peranan TCM dalam pengurusan kesakitan, melegakan tanda penyakit, dan menyokong pemulihan.

Perkongsian ini dimeterai pada 9 Oktober di Kongres Kesihatan dan Bioperubatan Singapura yang ke-23, yang diadakan di Singapore Expo.

Menteri Negara Kanan (Kesihatan), Dr Koh Poh Koon, berkata kerjasama ini bukan sahaja menyelaras usaha klinikal dan akademik untuk meningkatkan penjagaan pesakit, tetapi juga "memberi latihan bersilang untuk pelajar TCM dan perubatan Barat serta memajukan penyelidikan berasaskan bukti dalam perubatan Berpadu."

"Kerjasama ini akan melengkapkan lebih banyak klinik dengan kemahiran untuk memenuhi permintaan penjagaan berpadu yang semakin meningkat," tambah Dr Koh.

Di bawah perkongsian ini, pelajar tahun akhir TCM akan menjalani latihan klinikal di TTSH mulai 2027.

Mereka akan memerhatikan cara perubatan TCM dan Barat digabungkan dalam penjagaan pesakit, sambil mempelajari pengetahuan praktikal yang disesuaikan dengan sistem penjagaan kesihatan Singapura.

Kerjasama ini akan mengukuhkan latihan pengamal TCM, kata Profesor Benjamin Seet, pengerusi kumpulan lembaga perubatan (penyelidikan) dan pengerusi bersama Pejabat Kerjasama Akademik di pengendali penjagaan kesihatan, NHG Health.

Merujuk kepada Tinjauan Kesihatan Penduduk Nasional 2022, Dr Quah Teik Joo, yang mengetuai perubatan berpadu pelengkap di TTSH, mendedahkan sekitar satu daripada lima orang dewasa di Singapura, menggunakan khidmat TCM setiap tahun, dengan 40 peratus daripadanya menggabungkan TCM dan perubatan Barat.

"Khususnya dalam rawatan akupunktur, ia telah terbukti secara saintifik membantu dalam pengurusan kesakitan, merawat masalah saraf dan juga perubahan hormon. Kami akan meneroka semua kaedah lain dalam TCM untuk memahami cara rawatan mereka," tambahnya.

Dr Quah, yang juga seorang pakar perunding perubatan am, berkata rawatan pesakit dalam menggunakan TCM pada masa ini terhad kepada akupunktur, yang ditawarkan di TTSH, Hospital Masyarakat Renci, dan Hab Jagaan Bersepadu TTSH.

Pengarah sains bioperubatan dan perubatan Cina di Sekolah Sains Biologi NTU, Profesor Linda Zhong, berkata matlamatnya adalah menggabungkan penyelidikan sains bioperubatan dan latihan TCM untuk merawat pesakit.

Siswa TCM tahun kedua, Cik Aw Xi Han dan Cik Chandraratne Aiko Tiranya Kumari, kededuanya 20 tahun, menyertai Dr Quah semasa lawatan di TTSH pada 8 Oktober, bagi mendapat gambaran tentang apa yang menanti mereka semasa latihan tahun akhir mereka.

Cik Aw berkata beliau memilih TCM "kerana ia adalah rawatan yang paling kurang invasif dan mempunyai sejarah panjang dalam mengekalkan keseimbangan menyeluruh untuk memastikan kesihatan pesakit dipelihara dengan baik."

Bagi Cik Aiko pula, cintanya terhadap budaya Cina mencetus inspirasi baginya mempelajari TCM.

Selain NHG Health, perkhidmatan TCM juga telah digabungkan dengan perubatan Barat di dua kelompok penjagaan kesihatan awam lain – SingHealth dan Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS).

Penunggang motosikal maut dalam nahas di Bukit Timah

Seorang penunggang motosikal berusia 29 tahun disahkan meninggal dunia di lokasi kemalangan di Eng Neo Avenue. – Foto ZAOBAO

Seorang penunggang motosikal berusia 29 tahun maut dalam satu kemalangan dengan sebuah lori di Bukit Timah pada 9 Oktober.

Polis berkata mereka dimaklumkan mengenai kemalangan di Eng Neo Avenue menghala ke Ekspreswe Rentas Pulau (PIE) itu pada sekitar 10.30 pagi.

Penunggang motosikal, seorang lelaki, disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh paramedik Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF), tambah polis.

Pemandu lori berusia 49 tahun itu sedang membantu dalam siasatan yang masih dijalankan.

Gambar yang dilihat oleh *The Straits Times* (ST) menunjukkan seorang lelaki terbaring di sebelah kanan jalan, dengan sebelah kakinya berada di atas pembahagi jalan, manakala sebuah motosikal pula kelihatan di sebelah kiri.

Berita Harian
NOTIS

AKTA PERANCANGAN 1998

PERATURAN-PERATURAN PERANCANGAN (PELAN INDUK) (R1)

Notis di Bawah Peraturan 4

Dengan notis ini dimaklumkan bahawa saranan berikut bagi pindaan kepada Pelan Induk telah diserahkan kepada Menteri Pembangunan Negara:

Mengubah semula zon bagi Lots MK34-03401K (pt) & MK34-04168N (pt) di Meranti Road / Meranti Crescent, daripada Zon Perniagaan 2 pada nisbah plot 1.0 (kasar) kepada Zon Utiliti.

Satu salinan yang diperakui bagi saranan ini boleh diperiksa semasa waktu pejabat di Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA), The URA Centre, Tingkat 1, Customer Service Centre, 45 Maxwell Road, Singapura 069118, dari 10 Oktober 2025 hingga 8 November 2025. Saranan ini juga boleh dilihat di www.ura.gov.sg (laman web pindaan kepada Pelan Induk).

Sebarang bantahan atau representasi terhadap saranan ini boleh diserahkan secara bertulis kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Negara, 5 Maxwell Road, Singapura 069110, pada atau sebelum 8 November 2025, dengan menyatakan sebab-sebab ia dibuat, sebagaimana yang diperlukan di bawah Peraturan 5 bagi Peraturan-Peraturan Perancangan (Pelan Induk) (R1).

YAK PEK CHING
BAGI PIHAK KETUA PERANCANG
PENGUASA PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

URBAN REDEVELOPMENT AUTHORITY

PERSEKUTUAN KEBAJIKAN ISLAM TELOK KURAU SINGAPURA

Kami akan mengadakan Mesyuarat Agung Khas pada hari Ahad 12hb Oktober 2025 jam 2.00 petang bertempat di:
Dewan Serbaguna (basement) Masjid Sultan, 3 Muscat Street, Singapore 198833.

Perlu difahamkan bahawa Mesyuarat Agung ini diadakan khas untuk melantik Ahli Jawatankuasa baru untuk penggal 2025-2027 sahaja. Semua ahli Persekutuan dipersilakan hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan dan hanya ahli Persekutuan sahaja dibenarkan masuk kedalam dewan mesyuarat. Harap maklum.

Kembangan Plaza 18 Jalan Masjid #02-05, Singapore 418944 | +65 6741 7144 | +65 8796 7144

Berita Harian
NOTIS

DI MAHKAMAH KEADILAN KEKELUARGAAN REPUBLIK SINGAPURA

No. Kes: FC/P 5811/2025
Difailkan: 23-Jul-2025 12.15 PM

Di antara

1. HARYANI BINTE MOHAMED YUSOFF (NRIC No. SXXXX407D)
2. ROHANI BINTE NEAMAT (NRIC No. SXXXX186I)

...Pemohon

Dan

1. ZALI BIN SARI (NRIC No. Unknown)
2. RIZAL BIN SARI (NRIC No. Unknown)
3. WATI BINTE SARI (NRIC No. Unknown)
4. ROSMINAH BINTE SARI (NRIC No. Unknown)
5. NONI BINTE SARI (NRIC No. Unknown)

...Pihak Yang Dipanggil

SITASI

MENURUT AKTA PROBAT DAN PENTADBIRAN 1934

Dalam Harta Pusaka **MOHD RASHID BIN SARI** (NRIC No. SXXXX569D), si mati

Kepada:-

1. Nama:-
   a. Zali Bin Sari
   b. Rizal Bin Sari
   c. Wati Binte Sari
   d. Rosminah Binte Sari
   e. Noni Binte Sari
1. Berdasarkan satu afidavit oleh HARYANI BINTE MOHAMED YUSOFF (NRIC No. SXXXX407D) dan ROHANI BINTE NEAMAT (NRIC No. SXXXX186I), bertarikh 19 Jun 2025, MOHD RASHID BIN SARI (NRIC No. SXXXX569D), si mati yang terakhir beralamat di Apt Blk 430A Yishun Avenue 11 #06-372 Singapore 761430, telah meninggal dunia pada 13 Oktober 2024 di Khoo Teck Puat Hospital, merupakan seorang lelaki yang telah berkahwin dan meninggal dunia tanpa wasiat, meninggalkan individu-individu berikut:-
   a. Anak perempuan sahnya, Siti Nursyafa'ah Binte Mohd Rashid (NRIC No. TXXXX528H)
   b. Isteri sah dan tunggalnya, Haryani Binte Mohamed Yusoff (NRIC No. SXXXX407D)
   c. Abang kandung sahnya, Zali Bin Sari
   d. Abang kandung sahnya, Rizal Bin Sari
   e. Kakak kandung sahnya, Wati Binte Sari
   f. Kakak kandung sahnya, Rosminah Binte Sari
   g. Kakak kandung sahnya, Noni Binte Sari
2. HARYANI BINTE MOHAMED YUSOFF ialah satu-satunya balu sah kepada si mati, dan adik ipar sah anda, manakala ROHANI BINTE NEAMAT ialah ibu mertua kepada si mati dan nenek sah kepada SITI NURSYAFA'AH BINTE MOHD RASHID, satu-satunya anak sah si mati dan anak sedara sah anda.
3. Anda dikehendaki, dalam masa 14 hari selepas penyampaian Sitasi ini, untuk memfailkan Notis Niat untuk Menentang atau Tidak Menentang Sitasi ini di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Keadilan Kekeluargaan, dan menerima atau menolak Surat Kuasa Mentadbir harta pusaka si mati, atau memberikan sebab mengapa Surat Kuasa tersebut tidak sepatutnya diberikan kepada HARYANI BINTE MOHAMED YUSOFF dan ROHANI BINTE NEAMAT.
4. Sekiranya anda tidak memfailkan Notis Niat untuk Menentang atau Tidak Menentang dan tidak menerima serta mendapatkan Surat Kuasa tersebut, Mahkamah akan meneruskan untuk mengeluarkan perintah yang sesuai mengikut undang-undang, walaupun tanpa kehadiran anda.

Dikeluarkan oleh peguam bagi HARYANI BINTE MOHAMED YUSOFF dan ROHANI BINTE NEAMAT, Pemohon, dengan butiran berikut:

ASTUTE LEGAL LLC
60 Paya Lebar Road
#06-25 Paya Lebar Square
Singapore 409051
No Telefon: 6385 2723
Emel: mail@astutelegal.com.sg
No. Ruj. Fail: SSP RM 411 2024
Peguam yang bertanggungjawab: Rabiatul Adawiyah Binte Mahmood